



MAKLUM BALAS KERAJAAN
TERHADAP
LAPORAN TAHUNAN SUHAKAM
2010

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

**MAKLUM BALAS
KERAJAAN TERHADAP
LAPORAN TAHUNAN
SUHAKAM 2010**



ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Mukadimah	i
2.	Isu-isu Utama	3
3.	Laporan Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi	23
4.	Laporan Kumpulan Kerja Aduan dan Siasatan	29
5.	Laporan Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-Undang dan Triti Antarabangsa	37
6.	Laporan Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan	49
7.	Senarai Singkatan	I-II



MUKADIMAH

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) merupakan sebuah badan bebas yang berperanan memupuk kesedaran berhubung hak asasi manusia serta mengemukakan syor kepada Kerajaan dalam merumuskan perundangan, arahan dan tatacara pentadbiran bagi memastikan keserasian antara undang-undang dan keperluan Negara dengan prinsip hak asasi manusia.

Selaras dengan Seksyen 21(1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [*Akta 597*], SUHAKAM perlu mengemukakan Laporan Tahunannya kepada Parlimen. Laporan Tahunan SUHAKAM 2010 telah diedarkan di Parlimen semasa sesi pertama sidang Parlimen pada 21 Mac 2011 yang lalu. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) sebagai urus setia bagi membantu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyelaras maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2010, telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan maklum balas berkenaan.

Berdasarkan daripada pemerhatian dan syor yang diterima daripada SUHAKAM, didapati isu-isu yang dibangkitkan adalah merupakan isu-isu yang merangkumi pelbagai aspek hak asasi manusia yang menjadi satu agenda penting bukan sahaja di Malaysia bahkan di peringkat antarabangsa. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa prihatin dan komited terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia.



ISU-ISU UTAMA



ISU & ULASAN

ISU: KEBEBASAN BERHIMPUN

Suruhanjaya menyeru pemansuhan subseksyen (2), (2A)-(2D), (4), (4A), (5), (5A)-(5C), (7) dan (8) Seksyen 27 dan Seksyen 27A Akta Polis 1967 dan mengesyorkan agar polis menggunakan cara yang sederhana dan tanpa keganasan sekiranya mereka mendapati ia perlu untuk mengawal atau menyuraikan sesuatu perhimpunan.

Suruhanjaya dengan tegasnya mengulangi pendirian bahawa setiap orang mempunyai hak untuk menyertai perhimpunan aman sebagaimana dijamin Artikel 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Kebebasan berhimpun juga dijamin di bawah Artikel 20(1) UDHR.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Buat masa sekarang, Kerajaan tiada cadangan untuk memansuhkan subseksyen (2), (2A)-(2D), (4), (4A), (5), (5A)-(5C), (7) dan (8) Seksyen 27 dan Seksyen 27A Akta Polis 1967. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara untuk membuat pindaan pada peruntukan-peruntukan tertentu yang terdapat dalam seksyen 27 Akta Polis bagi mengharmonikannya dengan peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan semua warganegara mempunyai hak untuk berhimpun secara aman namun menurut Perkara 10(2)(b), undang-undang sekatan boleh diperkenalkan sekiranya hak tersebut disalah guna dan boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam, contohnya, perhimpunan yang menyebabkan berlakunya keganasan seperti pergaduhan, keganasan, menghalang lalu lintas di jalan raya dan sebagainya.

Seksyen 27 dan 27A Akta Polis 1967 merupakan antara undang-undang sekatan yang diperkenalkan bagi memastikan hak tersebut tidak disalah guna oleh individu atau kumpulan individu dan sekali gus dapat menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

Permit Perhimpunan seperti mana yang disyaratkan mengikut Seksyen 27 Akta Polis 1967 merupakan satu bentuk kawalan dan mengelakkan berlakunya perkara yang memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam.

ISU & ULASAN

Maka pemansuhan permit perhimpunan bukanlah satu keputusan yang tepat kerana perhimpunan tanpa kawalan dikhawatiri akan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam di sesuatu kawasan.

Kerajaan telah mengkaji dari segi dasar dan mendapati keperluan untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman awam maka peruntukan undang-undang sewajarnya dikekalkan.

ISU: KEBEBASAN BERSUARA DAN MAKLUMAT

Suruhanjaya terus menyeru supaya Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dihormati. Artikel 19 UDHR menyatakan bahawa setiap orang mempunyai hak kepada kebebasan berpendapat dan bersuara, termasuk kebebasan memberi pendapat tanpa sekatan dan untuk memperoleh, menerima dan menyebarkan maklumat dan idea melalui media, tanpa sempadan.

Suruhanjaya mengesyorkan pembentukan majlis media yang bebas untuk membolehkan media mengawal selia sendiri, menyelesaikan pertikaian atau aduan dan memantau pematuhan kod etika profesional industri.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan rakyat pula tidak pernah disekat daripada mengeluarkan pendapat, pandangan dan kritikan sama ada melalui media-media elektronik mahu pun media-media cetak selagi ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan dan undang-undang di Negara ini. Hak kebebasan bersuara telah diperuntukkan di bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan telah mengkaji dari segi dasar dan mendapati bahawa tidak ada sekatan untuk sesiapa memberikan pendapat, bersuara atau menyebarkan maklumat.

Namun, harus diingatkan bahawa Malaysia merupakan Negara yang berlatarbelakangkan kehidupan berbilang kaum, agama dan adat resam.

ISU & ULASAN

Oleh itu, penyalahgunaan kebebasan bersuara atau mana-mana hak asasi sehingga menimbulkan kegelisahan dan ketegangan dalam masyarakat sehingga boleh menggugat keselamatan Negara seharusnya dielakkan seperti hasutan, fitnah, ugutan dan lain-lain.

Sehubungan itu, adalah penting bagi Kerajaan untuk memastikan supaya maklumat dan idea yang ingin disampaikan tidak menyentuh sensitiviti pihak-pihak yang berkaitan sehingga menimbulkan ketegangan dan menggugat keharmonian Negara.

Konsep kebebasan bersuara ini bukanlah suatu hak atau kebebasan yang mutlak. Sebaliknya, kebebasan bersuara adalah tertakluk pula kepada beberapa syarat yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, melalui Perkara 10(2)(a) dan undang-undang lain yang berkaitan.

Hak tersebut adalah termaktub di dalam Artikel 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, hak kepada kebebasan bersuara dan maklumat adalah tertakluk kepada Artikel 10(2) yang membenarkan Parlimen melalui undang-undang mengenakan sekatan ke atas hak yang diberikan jika didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan.

Ke arah mengharmonikan hubungan pihak Kerajaan dan media, satu majlis akan ditubuhkan dikenali sebagai 'Majlis Perundingan Media'. Majlis Perundingan Media lebih merupakan satu forum untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan serta mencari pendekatan 'menang-menang' dalam mengurus visi dan misi Negara demi kepentingan rakyat dan Negara. Kerajaan berpandangan bahawa amalan baik kewartawanan perlu diamalkan terutamanya dalam Negara berbilang kaum, agama, budaya dan sosial seperti Malaysia.

Malaysia sentiasa menegaskan bahawa sekatan-sekatan yang dikenakan adalah sejajar dengan kedudukan di bawah instrumen antarabangsa hak asasi manusia yang mengenal pasti beberapa sekatan di dalam melaksanakan hak kepada kebebasan bersuara dan maklumat.

ISU & ULASAN

Dalam hal ini, Perkara 19 UDHR menyatakan bahawa “Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan pendapat dan mengeluarkan fikiran; hak ini termasuklah kebebasan memegang pendapat tanpa gangguan dan kebebasan pendapat tanpa gangguan”. Seterusnya, Artikel 19(3) memperuntukkan bahawa hak-hak tersebut boleh dibataskan jika ia ditentukan oleh undang-undang dan penghormatan yang sepatutnya kepada hak atau reputasi orang lain, keselamatan Negara, ketenteraman awam dan kesihatan atau prinsip moral masyarakat.

Malaysia mengambil maklum bahawa Jawatankuasa Hak Asasi Manusia (*Human Rights Committee*) dalam memberikan Pandangan Umum (*General Comment*) terhadap peruntukan tersebut di atas menyatakan bahawa sekatan yang dikenakan adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Ia adalah dijustifikasikan sebagai perlu bagi salah satu tujuan seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 19(3)(a)-(b);
- (ii) Syarat-syarat tersebut mestilah ditentukan oleh undang-undang; dan
- (iii) Batasan-batasan tersebut tidak boleh menggugat kewujudan hak-hak tersebut.

Sejajar dengan peruntukan Artikel 10(2) Perlembagaan Persekutuan, undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hasutan 1948, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah digubal. Penggubalan undang-undang tersebut adalah bertujuan untuk memastikan bahawa hak kepada kebebasan bersuara dan maklumat di Malaysia tidak disalahgunakan dan keselamatan negara serta ketenteraman awam adalah terpelihara dan terjamin selaras dengan undang-undang antarabangsa.

ISU: KEBEBASAN BERAGAMA – ISU-ISU PENUKARAN AGAMA

Suruhanjaya menyeru agar pentadbiran undang-undang Syariah dan Wilayah Persekutuan diseragamkan dan satu prosedur yang jelas berkenaan kes-kes penukaran agama diperuntukkan.

ISU & ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Menurut Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, hak kebebasan beragama bagi setiap individu di Malaysia adalah dijamin. Walau bagaimanapun, hak itu tidak mutlak kerana ia tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, misalnya Fasal (4) dan (5) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan isu penyeragaman undang-undang Syariah, Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang serius dalam menyeragamkan undang-undang Syariah di Malaysia. Keutamaan sentiasa diberikan oleh Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan atau pun Negeri menerusi gerak kerja yang berterusan dan komprehensif. Sebagai contoh, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil pada tahun 1988 yang berfungsi untuk mengkaji, menyemak dan menggubal undang-undang Syariah yang seragam untuk dipakai di seluruh Negara.

Walaupun Kerajaan Pusat berusaha untuk menyeragamkan undang-undang Syariah antara Negeri-negeri, usaha tersebut masih tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam merupakan bidang kuasa pihak berkuasa agama Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, hal ehwal berkaitan agama Islam adalah terletak di bawah kuasa prerogatif Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan/Raja-Raja Melayu yang diperuntukkan di bawah Perkara 3(2) dan Butiran 1(2)(d) Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan. DYMM Sultan/Raja-raja Melayu pula dinasihati oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri sendiri. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan Negeri menerima pakai undang-undang seragam tersebut. Perkara ini jelas diperuntukkan di bawah Perkara 76(3) Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

“Tertakluk kepada Fasal (4), sesuatu undang-undang yang dibuat menurut perenggan (b) atau perenggan (c) Fasal (1) tidak boleh berkuat kuasa di mana-mana Negeri sehingga undang-undang itu telah diterima pakai melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu, dan selepas itu hendaklah disifatkan sebagai suatu undang-undang Negeri dan bukan suatu undang-undang Persekutuan, dan boleh dipinda atau dimansuhkan sewajarnya melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan itu.”

ISU & ULASAN

Seterusnya, Perkara 3(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut:

“3(2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.”

Butiran 1(2)(d), Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan seperti yang berikut:

(2) Raja boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi yang berikut (sebagai tambahan kepada fungsi yang pada melaksanakannya Raja boleh bertindak menurut budi bicaranya di bawah Perlembagaan Persekutuan) iaitu:

(d) apa-apa fungsi sebagai Ketua agama Islam atau yang berhubungan dengan adat Melayu;

Berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, Kerajaan berpandangan bahawa selaras dengan peranan DYMM/Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam, DYMM/Raja-Raja Melayu berhak untuk memperkenalkan atau tidak memperkenalkan sesuatu undang-undang Syariah itu untuk diamalkan di sesebuah Negeri. Sekiranya didapati bahawa sesuatu undang-undang itu perlu dipinda untuk disesuaikan dengan keadaan setempat, DYMM/Raja-Raja Melayu mempunyai kuasa untuk menitahkan supaya undang-undang tersebut dipinda. Dalam hal ini, tidak timbul isu ketidakseragaman dalam melaksanakan undang-undang Syariah memandangkan setiap Negeri mempunyai latar belakang yang berbeza. Oleh yang demikian, walaupun terdapat perbezaan antara Negeri-negeri dari segi pelaksanaan undang-undang Syariah, perkara tersebut hanya bersifat pentadbiran sahaja dan tidak melibatkan isu berkaitan penentuan Hukum Syarak.

ISU & ULASAN

Seterusnya, berhubung dengan cadangan untuk memperuntukkan prosedur yang jelas berhubung kes-kes penukaran agama, Kerajaan berpandangan bahawa sebelum sesuatu undang-undang digubal, Kerajaan perlu membuat penelitian yang mendalam dan menyeluruh dengan mengambil kira peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan kepentingan serta hak setiap individu pelbagai kaum dan agama. Ini adalah kerana undang-undang yang berkaitan dengan penukaran agama melibatkan perkara-perkara yang amat sensitif dan perlu ditangani secara bijaksana.

Dalam hal ini, sungguhpun diakui bahawa Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memberi kebebasan kepada mana-mana orang untuk menganuti dan mengamalkan agama masing-masing, namun hak tersebut tidaklah boleh ditafsirkan dengan begitu luas sehingga meliputi hak kebebasan untuk memilih dan menukar agama Islam pada bila-bila masa. Bagi orang Islam yang memilih untuk menukar agama, mereka perlu mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkuatkuasa. Perkara tersebut telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam kes *Lina Joy V Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor*, [2007] 3 CLJ 55. Dalam kes itu, Azlina Jailani atau Lina Joy telah memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk memadam perkataan “Islam” dalam kad pengenalnya. Permohonan beliau ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kerana tidak disokong oleh deklarasi dari Mahkamah Syariah yang menyatakan bahawa beliau telah keluar daripada agama Islam. Azlina Jailani kemudiannya telah berhujah bahawa berdasarkan Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan, beliau bebas untuk keluar agama Islam dan menganut agama pilihannya.

Dalam penghakimannya, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara telah menolak hujah tersebut dan menyatakan, antara lain, seperti yang berikut:

“Perkara 11 tidaklah boleh ditafsirkan sebegitu luas sehingga ia membatalkan semua undang-undang yang menghendaki seseorang Islam itu mengerjakan sesuatu kewajipan agama Islam atau melarang mereka melakukan sesuatu perkara yang dilarang agama Islam atau yang menetapkan acara bagi melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Ini kerana kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berlainan daripada kedudukan agama-agama lain.”

ISU & ULASAN

Beliau juga dalam memutuskan kes tersebut, menyatakan bahawa:

“...Cara seseorang keluar dari sesuatu agama adalah semestinya mengikut kaedah atau undang-undang atau amalan (practice) yang ditentukan atau ditetapkan oleh agama itu sendiri. Perayu tidak dihalang dari berkahwin. Kebebasan beragama di bawah Perkara 11 PP memerlukan perayu mematuhi amalan-amalan atau undang-undang agama Islam khususnya mengenai keluar daripada agama itu. Apabila ketentuan-ketentuan agama Islam dipatuhi dan pihak berkuasa agama Islam memperakukan kemurtadannya barulah Perayu dapat menganuti agama Kristian. Dengan lain perkataan seseorang tidak boleh sesuka hatinya keluar dan masuk agama. Apabila ia menganuti sesuatu agama, akal budi (common sense) sendiri memerlukan dia mematuhi amalan-amalan dan undang-undang dalam agama itu.

...kes Soon Singh ketara menunjukkan bahawa hal murtad adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Di perenggan (10) saya juga telah merujuk kepada item 1, senarai 2, Jadual 9 Perlembagaan bagi menunjukkan bahawa perkataan penting yang digunakan di situ ialah ‘matters’ dan kerana ‘Islamic Law’ adalah salah satu daripada ‘matters’ yang terdapat dalam item 1 itu dan apabila dibaca pula berlatarbelakangkan kes Dalip Kaur, maka amat ketara sekali bahawa sesungguhnya perkara murtad itu adalah perkara yang berhubung kait dengan undang-undang Islam (Islamic Law) dan nyatalah oleh itu ia adalah di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan kerana Perkara 121(1A) Perlembagaan, maka mahkamah-mahkamah sivil tidak boleh campur tangan dalam hal itu.”

Berdasarkan keputusan kes tersebut, adalah jelas bahawa penukaran agama oleh seorang Islam perlulah ditangani berdasarkan kaedah dan prosedur yang ditetapkan oleh agama Islam itu sendiri. Dalam hal ini, Kerajaan berpandangan bahawa sekiranya suatu prosedur yang jelas berkenaan kes-kes penukaran agama ingin digubal, ia mestilah merujuk kepada prosedur yang terdapat dalam undang-undang Syariah dan bukan dibuat berdasarkan prinsip hak-hak asasi manusia yang tidak bersandarkan kepada hukum Syarak. Dalam hal ini, walaupun terdapat banyak pandangan fuqaha berhubung dengan isu penukaran agama, namun Kerajaan berpegang kepada hukum Syarak yang menetapkan bahawa seseorang yang ingin keluar daripada agama Islam hendaklah dinasihatkan supaya bertaubat terlebih dahulu. Pemerintah mempunyai bidang kuasa untuk mengarahkan seseorang yang hendak menukar agama supaya menjalani tempoh penasihatn selama mana yang difikirkan perlu berdasarkan fakta kes. Sekiranya individu tersebut enggan bertaubat,

ISU & ULASAN

pemerintah boleh mengenakan apa-apa tindakan berdasarkan kepada undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Negeri-negeri pada masa ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini hanya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 sahaja yang mempunyai prosedur yang jelas tentang keluar daripada agama Islam. Bagi Negeri-negeri lain, peruntukan itu masih belum diadakan lagi. Di peringkat Kerajaan Pusat pula, perkara tersebut sedang dikaji dan diteliti oleh Jabatan Peguam Negara.

Namun begitu, walaupun tanpa prosedur yang jelas, hakim-hakim di Mahkamah Syariah boleh menggunakan budi bicara mereka berdasarkan hukum Syarak dan peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam memutuskan kes-kes yang melibatkan permohonan keluar daripada agama Islam. Sebagai contoh, dalam kes Siti Fatimah binti Ab. Karim -lwn- Majlis Agama Islam Melaka (Kes Mal Bil. 04200-043-0005 Tahun 2006) dan kes Majlis Agama Islam Pulau Pinang -lwn- Siti Fatimah Tan Binti Abdullah (Kes Rayuan Mal Bil: 07000-043-0003-2008).

Dalam hal ini, peranan hakim adalah penting untuk menggunakan budi bicaranya dan menilai keadaan orang yang ingin murtad itu. Budi bicara yang ada ini tidak wajar disekat berdasarkan kepelbagaian kategori murtad, fakta dan latar belakang kes yang berbeza. Rujukan kepada peruntukan yang bersifat umum adalah memadai kerana para hakim boleh menggunakan budi bicaranya berpandukan hukum Syarak dalam memutuskan sesuatu kes yang berkaitan dengan penukaran agama. Peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Tatacara Mal Negeri-negeri dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah menyatakan bahawa Mahkamah Syariah boleh merujuk kepada hukum Syarak sekiranya terdapat lakuna dalam undang-undang.

Di Malaysia, didapati bahawa hakim-hakim di Mahkamah Syariah mempunyai amalan yang hampir seragam dalam memutuskan kes-kes tersebut dengan mengeluarkan perintah supaya pemohon menjalani pemulihan di pusat bimbingan agama atau pemulihan akidah terlebih dahulu sebelum mahkamah membuat perisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi seorang Islam.

Sungguhpun demikian, mengenai keperluan mengadakan suatu pentadbiran undang-undang Syariah yang seragam dalam menangani kes-kes penukaran agama di negara ini, Kerajaan perlu membuat kajian yang teliti dan menyeluruh terhadap perkara tersebut bagi memastikan sebarang keputusan yang dibuat adalah selaras dengan hukum Syarak. Kajian itu juga perlu mengambil kira kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

ISU & ULASAN

Sesungguhnya Kerajaan amat prihatin terhadap masalah-masalah yang berbangkit daripada isu pertukaran agama dan telah dari semasa ke semasa mengambil langkah sewajarnya berdasarkan prinsip Siyasa Syari'yyah bagi memastikan bahawa imej Negara sebagai sebuah Negara yang menjadikan Islam sebagai agama bagi Persekutuan sentiasa terpelihara. Ini adalah selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan di bawah Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

ISU: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Kematian beberapa orang individu akibat tembakan pihak polis telah dipaparkan secara meluas dalam media pada tahun ini. Suruhanjaya berpendapat bahawa senjata api hanya boleh digunakan oleh polis untuk mempertahankan diri dan Prosedur Operasi Standard (SOP) mengenai penggunaan senjata api dan melepaskan tembakan harus dikaji semula. Pihak polis wajar menggunakan pakai Kod Etika Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Anggota Penguat kuasa Undang-Undang 1979 dan Prinsip-prinsip Asas tentang Penggunaan Kuasa dan Senjata Api oleh Anggota Penguat kuasa Undang-Undang 1990 di dalam melaksanakan tugas mereka.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pihak Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau semua anggotanya supaya tidak melakukan penyalahgunaan kuasa sewaktu menjalankan operasi-operasi jenayah. Semua tindakan yang diambil adalah berlandaskan undang-undang Negara. Pihak PDRM hanya membenarkan penggunaan senjata api bagi tujuan mempertahankan diri sahaja sekiranya terdapat keperluan berbuat demikian. Namun begitu, PDRM sentiasa melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi sistem kerja semasa sesuatu operasi jenayah dilakukan. Di antara arahan-arahan sedia ada dan arahan yang baru digubal untuk menjadi garis panduan kepada pihak PDRM adalah seperti berikut:

- (a) Pematuhan kepada Perintah Tetap Ketua Polis Negara bahagian D222 iaitu Penggunaan Senjata Api oleh Polis; dan
- (b) Satu Prosedur Operasi Standard (SOP) No.78 telah digubal bagi penambahbaikan penggunaan kekerasan dan senjata api oleh pegawai Polis dalam mempertahankan diri. SOP ini sebelum diguna pakai

ISU & ULASAN

oleh PDRM pada tahun 2011, ia telah dibentangkan di hadapan Ahli Panel yang dilantik oleh YB Menteri Dalam Negeri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB Datuk Wira Abu Seman bin Yusop dan ahli-ahlinya terdiri daripada Tun Haniff Omar, Datuk Seri Shafii Abdullah, Prof Madya Halim Sidek, YBhg. Datuk Michael Yeoh dan Tuan Kamal Affandi Hashim.

Saranan Suruhanjaya untuk menyemak semula SOP mengenai penggunaan senjata api dan melepaskan tembakan diambil maklum Kerajaan memandangkan kepentingan penguatkuasaan undang-undang oleh PDRM mengambil kira piawaian antarabangsa yang relevan.

Piawaian antarabangsa yang relevan berkaitan dengan penggunaan senjata api oleh penguatkuasa undang-undang merangkumi beberapa prinsip iaitu *legality*, *necessity* dan *proportionality*. Ini adalah bertujuan untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang menghormati dan melindungi hak dan kebebasan asasi manusia.

Tindakan yang diambil oleh seseorang anggota atau pegawai polis dalam situasi tersebut mestilah munasabah untuk mempertahankan diri sahaja. Hak mempertahankan diri tamat jika tiada lagi apa-apa bahaya kematian atau kecederaan ke atasnya atau orang lain. Hak untuk mempertahankan diri hingga menyebabkan kematian juga disebut dan dibenarkan dalam Seksyen 100(a) Kanun Keseksaan yang mana ia boleh dilaksanakan jika tindakan si mati itu sendiri boleh dengan munasabahnya menyebabkan ancaman untuk mendatangkan kematian kepada tertuduh.

Pelepasan tembakan oleh anggota polis hingga menyebabkan kematian dan menggosarkan orang awam adalah suatu kejadian yang dipandang serius. Sekiranya siasatan mendapati bahawa tembakan yang dilepaskan adalah di luar batas yang dibenarkan oleh undang-undang dan tidak mematuhi arahan atau prosedur yang ditetapkan, Kerajaan tidak teragak-agak dalam mengambil tindakan mahkamah terhadap anggota berkenaan.

Sehubungan ini, langkah-langkah pemantauan terhadap prosedur-prosedur mengenai penguatkuasaan undang-undang diambil daripada masa ke semasa.

ISU & ULASAN

HAK-HAK GOLONGAN RENTAN

ISU: ORANG KELAINAN UPAYA

Suruhanjaya berpendapat bahawa terdapat keperluan pada semua agensi Kerajaan untuk melaksanakan garis panduan dan undang-undang kecil sedia ada berkenaan OKU bagi memastikan mereka mendapat akses terhadap kemudahan yang disediakan Kerajaan.

Berdasarkan Artikel 33(2) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD), Suruhanjaya berharap Kerajaan akan memberi perhatian terhadap syor Suruhanjaya untuk Mekanisme Pemantauan Nasional (NMM) memainkan peranan dalam memerhati pelaksanaan Konvensyen ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Istilah rasmi bagi akronim OKU ialah “orang kurang upaya” dan bukannya “orang kelainan upaya”. Perkara ini adalah selaras dengan definisi yang termaktub dalam seksyen 2, Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Bagi memastikan hak-hak OKU di Negara ini terus terjamin, Kerajaan pada 19 Julai 2010 telah meratifikasi Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya. Antara inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam memastikan pelaksanaan hak-hak OKU adalah seperti berikut:

- (i) Menyediakan Indeks Reka Bentuk Sejagat (UDI) oleh Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (sebuah jawatankuasa di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU). Indeks Reka Bentuk Sejagat ini diwujudkan untuk memudahkan para arkitek, jurutera dan juruperancang dalam mengguna, merujuk dan membuat semakan atau penilaian terhadap tahap aksesibiliti sesebuah bangunan dan kawasan awam menggunakan aplikasi reka bentuk sejagat yang boleh dimanfaatkan bersama oleh golongan OKU, warga emas, wanita hamil dan juga kanak-kanak. Draf awal Indeks Reka Bentuk Sejagat telah disediakan dan sedang ditambah baik sebelum disahkan dan diterima pakai oleh badan-badan profesional seperti Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM);

ISU & ULASAN

- (ii) Membuat kajian semula Standard Malaysia berkaitan akses OKU kepada bangunan dan persekitaran di luar bangunan dengan mengambil kira reka bentuk sejagat dalam setiap kemudahan yang disediakan. Kajian semula ini dilakukan oleh pihak SIRIM Berhad yang turut melibatkan para profesional, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta KPWKM;
- (iii) Melaksanakan modul latihan audit akses yang disediakan oleh Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina kepada mereka yang terlibat dalam menjalankan audit akses terutamanya ke atas bangunan sedia ada di seluruh negara. Modul ini telah memperoleh pengesahan dan perakuan daripada LAM dan PAM untuk digunakan oleh para profesional yang terlibat secara langsung dalam industri pembinaan dan penyediaan infrastruktur di Negara ini; dan
- (iv) Menjalankan program advokasi dan kesedaran awam mengenai keperluan penyediaan kemudahan dan persekitaran yang mesra OKU khususnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), badan profesional, pemaju dan kakitangan Kerajaan melalui taklimat/*roadshows* yang diadakan secara berperingkat mengikut zon di seluruh Malaysia iaitu di Melaka pada 25 Mei 2010, Perak pada 14 Jun 2010, Pahang pada 28 Oktober 2010, Labuan pada 23 November 2010, Putrajaya pada 20 Disember 2010, Perlis pada 21 Disember 2010 dan Pulau Pinang pada 23 Disember 2010.

Merujuk kepada isu akses terhadap kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan kepada OKU, penekanan terhadap kemudahan kepada OKU termaktub di dalam Bahagian III, Seksyen 15(r), Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 714]. Berdasarkan Seksyen tersebut, ia menggariskan fungsi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menggalakkan dan memudahkan pematuhan kemudahan, ameniti dan perkhidmatan pengangkutan awam darat dengan reka bentuk sejagat bagi memudahkan akses dan penggunaannya oleh OKU.

SPAD juga memantau garis-garis panduan yang dipraktikkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) seperti yang diperuntukan di dalam Perenggan 4(h) Pekeliling LPKP Bil. 8 Tahun 2009 yang menggariskan langkah-langkah penambahbaikan industri pengangkutan awam meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan kepada pengguna seperti dengan memberi layanan mesra kepada OKU.

ISU & ULASAN

Selain itu, Perenggan 7 Pekeliling yang sama turut memperuntukkan potongan harga sebanyak 75% diberikan kepada OKU yang menggunakan bas ekspres dan potongan ½ harga daripada kadar yang ditetapkan diberikan kepada OKU yang menggunakan bas berhenti-henti.

Kerajaan turut menetapkan supaya penyediaan kemudahan-kemudahan seperti *jubin tactiles*, kemudahan lif, *ramp* ke platform, tandas khas OKU dan parkir khas OKU menjadi salah satu syarat pelesenan kepada pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam.

Kerajaan turut mengkaji kemungkinan untuk mengadakan kategori lesen khas untuk OKU, misalannya untuk perkhidmatan pengangkutan *on-demand*. Kerajaan dari semasa ke semasa akan memantau garis-garis panduan ini dipatuhi agar misi Kerajaan dapat dicapai untuk menyediakan pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, cekap, terancang, bersepadu dan mapan untuk semua golongan masyarakat terutama golongan OKU.

Hak murid berkeperluan khas untuk mendapat akses kepada pendidikan diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Ini adalah kerana Akta 550 memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan khas bagi murid berkeperluan khas. Seksyen 40 Akta 550 memberi tanggungjawab kepada Menteri untuk mengadakan pendidikan khas di sekolah khas. Seksyen 34(1)(b) Akta 550 memberi kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan dan menyenggarakan sekolah khas. Manakala Seksyen 41 Akta 550 pula memberi kuasa kepada Menteri melalui peraturan untuk menetapkan seperti tempoh, kurikulum, kategori murid dan lain-lain perkara yang sesuai bagi pendidikan khas. Dalam melaksanakan kuasa yang diperuntukkan di bawah subseksyen 41(1) Akta 550 Menteri telah membuat Education (Special Education) Regulations 1997 [P.U.(A) 532/1997].

Di samping itu, Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan bagi murid berkeperluan khas. Kerajaan menyediakan pendidikan untuk murid berkeperluan khas melalui Pendidikan Khas yang disediakan di sekolah pendidikan khas atau di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif yang dijalankan di sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan pada peringkat prasekolah, rendah, menengah rendah, menengah atas dan lepas menengah.

ISU & ULASAN

Demi mengorak langkah ke arah membentuk sistem sekolah yang lebih inklusif, Kerajaan fokus terhadap pembukaan kelas-kelas khas di sekolah harian biasa di bawah PPKI. Selain itu, Kerajaan turut menitik berat usaha dalam menggalakkan agar murid berkeperluan khas diberi peluang belajar bersama-sama rakan sebaya mereka dalam kelas-kelas arus perdana.

Bagi menampung keperluan kanak-kanak kurang upaya, sekolah khas telah ditubuhkan di seluruh Negara di bawah bidang kuasa Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sehingga Januari 2010, 32 buah sekolah khas (28 sekolah rendah dan 4 sekolah menengah) telah ditubuhkan untuk menampung sejumlah 2,354 orang kanak-kanak cacat di seluruh Negara. Di samping itu, kemudahan penginapan seperti asrama juga disediakan di 23 buah sekolah.

Selain itu, sebanyak 6,824 program integrasi kelas telah ditubuhkan di kedua-dua sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia (pada Januari 2010), yang memberi manfaat kepada 40,835 orang kanak-kanak cacat. Dari segi tempoh pengajian, kanak-kanak ini diberi 2 tahun tambahan berbanding dengan kanak-kanak biasa untuk menamatkan pengajian mereka di peringkat sekolah rendah atau menengah. Kerajaan juga menyediakan peluang untuk kanak-kanak kurang upaya meneruskan pengajian mereka di peringkat pengajian tertinggi.

Kerajaan juga telah meningkatkan elaun bulanan pelajar kurang upaya di sekolah-sekolah pendidikan khas daripada RM50 kepada RM150 pada tahun 2009 manakala pembantu guru di sekolah-sekolah ini akan diberikan bayaran insentif sebanyak RM200 sebulan. Pada Januari 2010, sejumlah 3,897 bantuan pengajaran telah diperuntukkan di sekolah-sekolah dan sekolah-sekolah khas yang menyediakan program kelas integrasi.

Merujuk kepada permohonan SUHAKAM untuk dilantik sebagai NMM bagi CRPD, Kerajaan memutuskan bahawa adalah tidak wajar SUHAKAM menjadi badan pemantau bebas tersebut kerana Majlis Kebangsaan Bagi OKU telah pun ditubuhkan di bawah Akta OKU 2008 [Akta 685] yang antaranya menyelaras dan memantau pelaksanaan hak-hak OKU di Negara ini.

Dalam pada itu, Kerajaan menyambut baik usaha yang berterusan daripada SUHAKAM dalam memastikan pelaksanaan hak-hak OKU sebagaimana penganjuran Perbincangan Meja Bulat Mengenai Isu Aksesibiliti OKU dengan PBT yang telah diadakan pada bulan Mei 2011.

ISU & ULASAN

HAK-HAK GOLONGAN RENTAN (PEKERJA MIGRAN, PENCARI SUAKA DAN ORANG PELARIAN)

ISU: HAK-HAK PEKERJA ASING

Suruhanjaya telah mengetuai satu projek usaha sama mengenai pekerja asing yang bertajuk “*Kajian tentang Pekerja Asing yang Merangkumi Isu-isu dan Masalah-masalah Negara-negara Penghantar dan Penerima: Pelaksanaan Perisytiharan ASEAN mengenai Perlindungan dan Promosi Hak-hak Pekerja Asing*”.¹

Antara syor-syor utama yang dibuat terhadap Kerajaan Malaysia adalah:

- i. Mengkaji semula undang-undang dan dasar-dasar yang tidak sejajar dengan konvensyen UN dan ILO yang mana Malaysia adalah ahli;
- ii. Meminda undang-undang buruh bagi memasukkan “pekerjaan domestik” di bawah rangkuman perundangan;
- iii. Meluluskan permohonan daripada Pelapor Khas tentang Hak Asasi Manusia Pekerja Migran untuk membuat lawatan rasmi ke Malaysia;
- iv. Melancarkan satu kempen awam untuk membanteras rampasan pasport pekerja-pekerja migran oleh majikan;
- v. Menghapuskan sistem perkhidmatan luar (*outsourcing*) dan menggantikannya dengan satu sistem yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia;
- vi. Memastikan keadaan di pusat-pusat tahanan mematuhi standard hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa;
- vii. Menempatkan pegawai kesihatan secara tetap di Pusat-pusat Tahanan Imigresen;
- viii. Bekerjasama rapat dengan kerajaan negara-negara penghantar dalam menyelesaikan masalah pekerja migran;
- ix. Membentuk rangka kerja perundangan dan dasar yang menyeluruh bagi mengawal selia pengambilan, kemasukan, penempatan, layanan dan penghantaran balik pekerja migran; dan
- x. Membentuk langkah-langkah bagi mengenalpasti pemerdagangan orang di kalangan pekerja migran.

¹ Tujuan projek tersebut, yang dikendalikan di bawah SEANF, adalah untuk mengenalpasti situasi pekerja migran dari kedua-dua negara penghantar dan penerima, dan untuk menyokong tindakan-tindakan yang sesuai diambil oleh Kerajaan-kerajaan ASEAN dalam menangani isu pekerja migran. Sila rujuk Bab 5 Laporan Tahunan SUHAKAM 2010 untuk butiran mengenai projek ini.

ISU & ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan mengambil maklum bahawa SUHAKAM telah mengetuai projek usaha sama mengenai pekerja asing di bawah *South East Asian National Human Rights Institution* (SEANF) yang telah menyenaraikan sepuluh (10) syor-syor kepada Kerajaan Malaysia. Memandangkan SEANF hanyalah merupakan badan hak asasi bebas (*independent human rights body*) dan ia tidak diiktiraf oleh *Association of South East Nations* (ASEAN) mahupun "*ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights*" (AICHR), maka, Kerajaan Malaysia juga tidak mengiktiraf penubuhan dan keesahan (*legitimacy*) SEANF. Namun demikian, Kerajaan Malaysia hanya akan memberi maklum balas kepada SUHAKAM kerana SUHAKAM merupakan institusi hak asasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 [Akta 597], dan bukannya kepada SEANF.

Berdasarkan kepada pemerhatian, didapati bahawa syor-syor yang dibentangkan oleh SUHAKAM adalah terlalu umum dan tiada rekomendasi/cadangan spesifik yang dikemukakan oleh pihak SUHAKAM bagi menangani isu-isu berkaitan pekerja asing di Malaysia. Dalam konteks ini, SUHAKAM seharusnya mengemukakan pandangan dan kajian mereka terhadap syor-syor SEANF tersebut supaya isu-isu yang dibangkitkan dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Malaysia. SUHAKAM juga seharusnya membuat kajian dan seterusnya membuat cadangan kepada Kerajaan Malaysia untuk menangani masalah-masalah/isu yang dihadapi oleh pihak majikan di Malaysia berkenaan pekerja asing terutamanya pembantu rumah asing.

Selain itu, Kerajaan juga ingin mencadangkan kepada SUHAKAM adalah wajar sekiranya selain meneliti isu pekerja asing, tumpuan harus diberikan kepada majikan pekerja asing kerana secara amnya, majikan terdiri daripada warganegara Malaysia. Dalam hal ini, cadangan bernas SUHAKAM berkaitan pekerja asing yang juga mempertimbangkan situasi majikan, mungkin dapat dimanfaatkan dalam rundingan antara Kerajaan dengan penghantar pekerja asing.



LAPORAN KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI



ISU & ULASAN

HAK KEPADA PENDIDIKAN

ISU: HAK PENDIDIKAN KANAK-KANAK ORANG ASLI

Beberapa isu hasil perbincangan dengan Masyarakat Orang Asli, Pihak Sekolah dan Agensi Tempatan:

- (i) Projek Bekalan Air Bersih ke Sekolah Luar Bandar oleh KPM yang gagal membekalkan air bersih di daerah Batang Padang dan Hulu Perak;
- (ii) Bekalan elektrik 24 jam sama ada melalui talian grid (masalah pendawaian) atau generator (kurang bekalan minyak atau rosak) atau *solar hybrid* (tidak dapat menampung keperluan sekolah);
- (iii) Jalan penghubung ke daerah pedalaman tidak diselenggarakan secara berkala yang mengakibatkan kenderaan cepat rosak dan membahayakan murid dan guru;
- (iv) Asrama SK Bidor tidak ada warden dan pelajar seramai 130 orang hanya diawasi oleh pengawal keselamatan pada sebelah malam;
- (v) Kemudahan asrama-asrama yang dilawati (SK Bidor-Batang Padang, SMK Tengku Kudin-Raub, SMK Sultan Idris-Hulu Perak) didapati sesak, kemudahan asas kurang begitu juga keselesaan dan keselamatan penghuni; dan
- (vi) Kurikulum alternatif yang seharusnya dilaksanakan di beberapa buah sekolah pilihan tidak dijalankan dengan sempurna, malahan kebanyakan sekolah telah berhenti menggunakan kurikulum ini kerana kekaburan arahan daripada agensi bertanggungjawab. Suruhanjaya mendapati guru-guru baru tidak diberi latihan mengenai penggunaan kurikulum ini, bahan pengajaran dan pembelajaran bagi Tahun 4 tidak dibekalkan sehingga lewat bulan Ogos 2010. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa kurikulum ini akan diganti dengan kurikulum baru yang lebih menyerupai kurikulum arus perdana.

ISU & ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Isu kegagalan membekalkan air bersih di daerah Batang Padang dan Hulu Perak melalui Program Bekalan Air Bersih ke Sekolah Luar Bandar oleh KPM telah dibincangkan semasa Mesyuarat *Focus Group* Pendidikan Orang Asli yang diurusetikan oleh pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). KPM telah dimaklumkan mengenai perkara ini dan mendapati bahawa isu ini berpunca daripada masalah teknikal yang mengakibatkan kegagalan fungsi sistem penapisan air. KPM sedang dalam proses menaik taraf sistem yang ada di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

Merujuk kepada masalah jalan perhubungan di daerah pedalaman Negeri Perak, isu ini telah diatasi oleh JAKOA Negeri Perak dengan membaik pulih jalan-jalan yang rosak di mana kebanyakannya ialah jalan balak.

KPM telah mengambil maklum akan masalah ketiadaan warden di asrama SK Bidor dan siasatan sedang dijalankan oleh pihak KPM bagi menangani isu ini.

Cadangan bagi menempatkan pelajar asrama di SMK Kuala Lanar terutama pelajar dari daerah Cameron Highlands untuk mengurangkan kesesakan masih dalam pertimbangan Jabatan Pelajaran Negeri Pahang (JPNP) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Pada masa ini terdapat 21 buah asrama yang menempatkan pelajar Orang Asli.

KPM telah menyediakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Murid Orang Asli dan Penan (KAP). KAP dibangunkan berteraskan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan pengubahsuaian daripada aspek kandungan yang disesuaikan dengan latar belakang dan sosiobudaya murid Orang Asli dan Penan. KAP menitikberatkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan seperti bermain dan menyanyi. Penggunaan pedagogi peribumi yang sesuai dengan kebolehan, pengalaman dan minat murid digalakkan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran (P&P) menyeronokkan dan bermakna. Bahan pembelajaran yang digunakan perlu mempunyai hubungan kait dengan budaya masyarakat setempat serta boleh diaplikasikan dan digunakan dalam kehidupan harian.

ISU & ULASAN

Berkaitan dengan pentaksiran, KPM melalui Sektor Pembinaan Alternatif di Lembaga Peperiksaan akan merancang pentaksiran yang sesuai bagi murid-murid berkeperluan khas termasuklah bagi kanak-kanak suku kaum Asli dan Penan. Dalam masa yang sama, KPM sentiasa mengikuti perkembangan saringan LINUS yang dilaksanakan di sekolah-sekolah supaya ia sesuai dengan keperluan murid-murid tersebut.

JAKOA dan KPM telah mengambil inisiatif iaitu menyediakan sebuah bangunan (kontena) di Sungai Kejar, Gerik Perak untuk kegunaan kanak-kanak tersebut bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. JAKOA dan KPM kini dalam proses perbincangan dalam melaksanakan proses pembelajaran iaitu 3 kali seminggu.

Isu kanak-kanak tidak bersekolah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya ialah kesedaran ibu bapa yang masih rendah terutama kawasan pedalaman, jarak antara kampung dengan sekolah jauh, tiada jalan perhubungan untuk pengangkutan, kemudahan sekolah yang tidak lengkap kerana faktor perhubungan, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahasa dan komunikasi serta ekonomi dan sosial. JAKOA dengan JPNP sentiasa bekerjasama dalam mengatasi masalah kanak-kanak tidak bersekolah melalui program kesedaran minda dan motivasi seperti Program Mesra Didik, Program Mari Bersantai dan Program Mesra Minda. Pemimpin masyarakat di kalangan mereka juga didedahkan tentang kepentingan pendidikan. JAKOA Negeri Perak telah menyediakan kelas *non-formal* dan tadika bagi mengatasi masalah kanak-kanak tidak bersekolah ini. JAKOA Negeri Pahang pada masa ini telah melantik 97 orang operator pengangkutan pelajar Orang Asli. Bilangan pelajar yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan ini ialah seramai 8,186 orang pada tahun 2010 dan meningkat berbanding 7,501 pada tahun 2009. Perkhidmatan pengangkutan melalui jalan raya bertar, jalan tanah merah dan jalan air (bot) ini bagi mengurangkan kadar keciciran pelajar. JAKOA Negeri dan Daerah sentiasa mengadakan perjumpaan dengan operator pengangkutan setiap 3 bulan bagi menangani isu-isu pengangkutan pelajar.

JAKOA telah menyediakan bantuan pendidikan kepada pelajar dalam usaha mengurangkan keciciran pelajar Orang Asli. Antaranya ialah pengangkutan, yuran pelbagai dan asrama, wang saku dan catuan basah kering (Pos Pedalaman Lipis/Cameron Highlands). Selain itu, kanak-kanak Orang Asli juga diberikan hak yang sama untuk menerima bantuan persekolahan seperti buku teks, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM),

ISU & ULASAN

Rancangan Makanan Tambahan (RMT), bantuan pakaian seragam unit beruniform dan Biasiswa Kecil Persekutuan.

Akhir sekali, keperluan pendidikan Orang Asli sentiasa dikaji dari setahun ke setahun dengan kerjasama di antara JAKOA dan KPM supaya mereka tidak tercicir dalam sistem pendidikan di Malaysia.

LATIHAN HAK ASASI MANUSIA KEPADA AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN

ISU: CERAMAH KEPADA AHLI IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA (RELA)

Pemilihan dan kelayakan menjadi anggota RELA haruslah melalui proses yang ketat dan pemeriksaan terhadap latar belakang calon adalah penting bagi memastikan mereka benar-benar layak, lebih-lebih lagi apabila RELA mahu mencapai 2.5 juta anggota sebelum 2012, yang terbuka kepada mereka yang berumur 16-40 tahun. Suruhanjaya mencadangkan bahawa kursus pelantikan ahli RELA yang baru disemak semula dan kursus orientasi yang lebih lama dan komprehensif diberikan kepada semua lantikan RELA yang baru, memandangkan latihan yang sedia ada hanya untuk tujuh (7) hari. Latihan yang lebih panjang dan menyeluruh haruslah diberi sebelum seseorang diterima menjadi anggota.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pemilihan dan kelayakan menjadi anggota RELA adalah tertakluk dan berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Perlu (Ikatan Relawan Rakyat) 1966 (Pindaan 2005). Walau bagaimanapun, proses pemilihan dan tapisan awal dibuat di peringkat daerah oleh Pegawai-pegawai RELA Daerah bagi memastikan ahli-ahli RELA bebas dan tidak mempunyai kesalahan serta rekod jenayah.

Selain itu, Kursus Asas RELA selama tujuh (7) hari yang diadakan di semua Pusat Latihan RELA Wilayah adalah memadai sebagai pendedahan tentang peranan dan tanggungjawab RELA kepada anggota yang menyertai pasukan ini. Kursus yang lebih ketat adalah kurang wajar memandangkan ini adalah sebuah pasukan sukarela.

LAPORAN KUMPULAN KERJA ADUAN DAN SIASATAN



ISU & ULASAN

ISU: INKUIRI AWAM

Suruhanjaya telah menggesa pihak polis supaya memastikan bahawa hak statutori tahanan untuk merujuk kepada peguam dipatuhi sepenuhnya. Ini adalah selari dengan Seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah yang memerlukan polis memaklumkan kepada tahanan sebab dia ditahan dan juga haknya untuk menghubungi peguam dan keluarga. Isu tersebut telah dibincangkan pada Inkuiri Awam yang dijalankan terhadap lima (5) orang peguam daripada Pusat Bantuan Guaman yang ditahan pada 7 Mei 2009 di Balai Polis Brickfields, Kuala Lumpur seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2009. Inkuiri tersebut berakhir pada April 2010 dan panel Inkuiri berpendapat bahawa tindakan polis menangkap dan menahan lima (5) orang peguam daripada Pusat Bantuan Guaman tersebut adalah satu penafian hak untuk diwakili peguam dan melanggar Artikel 5(3)3 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 28A(4) Kanun Tatacara Jenayah.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pihak Kerajaan dengan kerjasama Majlis Peguam Malaysia telah memperkenalkan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan dilancarkan pada 25 Februari 2011. Ia bertujuan bagi memastikan setiap warganegara Malaysia yang ditangkap mempunyai hak diwakili peguam sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan dan juga Seksyen 28A(4) Kanun Tatacara Jenayah.

Sehubungan dengan penubuhan YBGK, satu Garis Panduan yang lengkap di dalam SOP berkaitan tangkapan dan reman telah dikeluarkan dalam memastikan semua pegawai penguatkuasa memaklumkan kepada YBGK berkaitan sebarang tangkapan dan reman bagi kes jenayah yang melibatkan warganegara Malaysia.

Garis Panduan tersebut antara lainnya, menggariskan bahawa pegawai penguatkuasa hendaklah dengan serta-merta, sebelum memulakan sebarang soal siasat atau rakaman pernyataan daripada orang yang ditangkap:

- (a) memaklumkan keluarga atau kawan orang yang ditangkap akan penangkapan tersebut; dan
- (b) memaklumkan orang yang ditangkap akan haknya sama ada memerlukan khidmat:

ISU & ULASAN

- (i) peguam sendiri- orang yang ditangkap mesti diberi peluang untuk menghubungi peguam tersebut melalui telefon pejabat penguatkuasa di mana orang yang ditangkap telah ditahan; atau
- (ii) peguam YBGK – pegawai penguatkuasa hendaklah menghubungi YBGK dan membenarkan orang yang ditangkap memaklumkan YBGK mengenai peguam pilihan.

Garis Panduan tersebut turut memastikan setiap pegawai penguatkuasa mematuhi undang-undang berkaitan dengan hak orang yang ditangkap seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah dan prosedur berkaitan dengan reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah.

ISU: ADUAN DARIPADA KUMPULAN ORANG ASAL/ASLI

Pada 15 Mac, Suruhanjaya telah menemui pihak pengurusan hospital serta mengetengahkan permasalahan Orang Asli. Sebagai susulan kepada mesyuarat tersebut, Suruhanjaya telah menulis kepada Ketua Setiausaha Negara dengan mengemukakan syor-syor berikut:

- (i) Melaksanakan secara berkala perkhidmatan *Flying Doctor* kepada Orang Asli termasuk yang tinggal di kawasan pedalaman. Sebagai usaha untuk memantapkan perkhidmatan tersebut, Suruhanjaya menggesa Kerajaan supaya mengisi enam kekosongan jawatan doktor di hospital tersebut;
- (ii) Menyediakan latihan perlu kepada Orang Asli bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran supaya mereka dapat menjalankan tugas di Hospital Orang Asli dan juga agensi Kerajaan yang lain;
- (iii) Mendapatkan maklum balas dan cadangan Orang Asli dan juga organisasi berkaitan Orang Asli tentang sebarang polisi atau program yang akan dilaksanakan oleh JAKOA. Langkah sebegini dapat membantu membina hubungan yang lebih baik di antara Orang Asli dan JAKOA. Pada masa yang sama, ia dapat membantu kedua-dua pihak menyelesaikan aduan secara sepakat; dan

ISU & ULASAN

- (iv) Mempertimbangkan permohonan Orang Asli untuk Hospital Gombak diuruskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Secara alternatif, penambahbaikan perlu dilakukan terhadap perkhidmatan hospital di bawah pengurusan semasa.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Perkhidmatan Doktor Udara (*Flying Doctor*) telah dan sedang dijalankan oleh Bahagian Kesihatan dan Perubatan, JAKOA dengan menggunakan khidmat helikopter swasta. Ke kerapannya perkhidmatan ini adalah 2 hingga 4 kali sebulan di kawasan-kawasan pedalaman Orang Asli Daerah Gua Musang, Kelantan. Perjawatan Pegawai Perubatan (Doktor) di Hospital JAKOA adalah 10 orang dengan pengisian jawatan tujuh (7) orang. KKM sedang mengambil tindakan untuk mengenal pasti pegawai-pegawai sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan di Hospital tersebut.

Pihak KKM akan mengenal pasti pegawai Orang Asli yang sedang berkhidmat di fasiliti lain KKM tetapi berminat untuk bertugas di Hospital Orang Asli supaya pegawai-pegawai ini boleh menjalani latihan induksi dan kemudiannya ditempatkan untuk berkhidmat di Hospital Orang Asli. Bagi pegawai-pegawai Orang Asli yang sedang bertugas di hospital tersebut, pihak Kementerian akan memberi peluang untuk menjalani kursus-kursus untuk meningkatkan kompetensi secara berkala.

Latihan dan kursus berkala telah disediakan kepada kakitangan Hospital melibatkan kakitangan Orang Asli dan bukan Orang Asli. Latihan berterusan yang disediakan oleh Hospital ini adalah melibatkan CME (*Continuous Medical Education*), Kursus 'Basic Life Support', Kursus Kecergasan, Kursus Motivasi, Kursus Kesihatan Persekitaran, Kursus IT, Latihan Dan Kursus anjuran agensi luar seperti KKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, IMR dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) juga disediakan kepada kakitangan Hospital. Manakala kursus untuk Sukarelawan Kesihatan dan Bidan Tradisional serta Tok Halak Orang Asli dijalankan secara bersiri sebanyak lima (5) siri setahun untuk memantapkan asas pengetahuan kesihatan kepada kumpulan berkaitan.

Maklum balas dan cadangan daripada masyarakat Orang Asli dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Orang Asli sentiasa dialu-alukan oleh pihak Hospital. Hubungan dan kerjasama yang baik telah dijalankan terutamanya dengan

ISU & ULASAN

NGO Orang Asli dan di kalangan Orang Asli Berjaya untuk mendapat input yang berkesan bagi penambahbaikan perkhidmatan yang diberi kepada kumpulan sasar.

Pihak KKM sedang mengambil langkah-langkah untuk mengambil alih pengurusan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang disediakan oleh JAKOA dan diletakkan di bawah KKM.

ISU: PILIHAN RAYA

Suruhanjaya mengesyorkan beberapa penambahbaikan dilakukan terhadap sistem undi pos seperti berikut:

- (a) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu memastikan bahawa ejennya (kakitangan yang dilantik oleh SPR) menggunakan senarai pengundi yang telah ditetapkan SPR. Sebarang cetakan semula senarai untuk tujuan pentadbiran perlu disahkan oleh pegawai SPR;
- (b) SPR perlu memastikan bahawa Senarai Pengundi dikemas kini setiap masa. Ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama baik dengan agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Rekod dan Pencen, Angkatan Tentera. Usaha pengemaskinian rekod sebegini akan memastikan nama-nama pengundi tidak akan muncul dua kali dalam Senarai Pengundi;
- (c) SPR perlu mewujudkan garis panduan berkenaan penghantaran kertas undi terutamanya cara-cara pengendalian dan juga prosedur penghantaran; dan
- (d) Sistem undi pos untuk angkatan tentera dan anggota polis perlu disemak semula. Setiap anggota perlu dibenarkan mengundi di kawasan yang ditentukan. Pengundian secara pos seharusnya dibenarkan kepada individu yang tidak mampu mengundi di kawasan mereka atas alasan yang sah seperti berkhidmat di luar Negara. Ini dapat menghapuskan keraguan dan juga kemungkinan berlakunya penipuan.

ISU & ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Daftar pemilih bagi Pengundi Tidak Hadir (PTH) tentera yang digunakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi maksud sesuatu pilihan raya merupakan Daftar Pemilih Pilihan Raya yang telah disahkan oleh SPR. Berasaskan daripada daftar pemilih tersebut, pihak ATM telah menyusun nama-nama PTH mengikut formasi-formasi tertentu dan langkah ini bertujuan untuk memudahkan anggota-anggota tentera untuk terus ke saluran yang telah ditetapkan untuk formasinya bagi tujuan mengundi.

SPR melaksanakan pembersihan dan pengemaskinian daftar pemilih sepanjang tahun. Jalinan *smart-partnership* antara SPR bersama JPN, ATM dan PDRM membolehkan semua maklumat dibekalkan secara berkala kepada SPR untuk tujuan tersebut. Bagi maksud pembersihan daftar pemilih, SPR hanya akan memotong nama-nama pemilih yang telah disahkan sebagai telah meninggal dunia atau hilang layak sebagai pemilih oleh sebab lucut warganegara berdasarkan maklumat sahih yang dibekalkan oleh JPN. Tanpa maklumat tersebut, nama-nama mereka akan kekal di dalam daftar pemilih bagi hak mereka sebagai warganegara yang telah mendaftar kekal terpelihara.

ATM dan PDRM pula dari semasa ke semasa membekalkan SPR dengan maklumat anggota-anggotanya yang telah bersara/menamatkan perkhidmatan dan meninggal dunia bagi membolehkan SPR mengemas kini pangkalan data sedia ada. Bagi mengelakkan masalah nama pemilih berganda iaitu sebagai pemilih awam dan PTH, pihak JPN juga telah memaklumkan SPR berhubung maklumat semua anggota ATM dan PDRM yang memiliki nombor kad pengenalan awam dan penyaluran maklumat ini akan dilakukan secara berterusan bagi membolehkan pengemaskinian daftar pemilih dilakukan oleh SPR.

SPR turut mengadakan program *outreach* di seluruh Negara bagi mendekati rakyat dan menyediakan saluran tambahan untuk mendaftar sebagai pemilih serta bagi yang ingin menyemak maklumat pendaftaran mereka dan seterusnya membuat sebarang pengemaskinian maklumat sekiranya perlu. Program tersebut sama ada dijalankan secara bersendirian oleh SPR atau dengan kerjasama agensi lain seperti JPN, pihak TV3 juga atas jemputan dari parti-parti politik jelas menunjukkan usaha-usaha SPR ke arah mewujudkan daftar pemilih yang bersih.

ISU & ULASAN

Berhubung isu mewujudkan garis panduan berkenaan penghantaran kertas undi, sememangnya SPR sentiasa memastikan setiap proses yang terlibat di dalam sesuatu pilihan raya adalah teratur dan kemas berdasarkan kepada peruntukan undang-undang pilihan raya yang berkuat kuasa ketika ini.

Bagi perkara berkaitan dengan sistem pengundian pos pula, anggota tentera dan polis yang mendaftar sebagai PTH akan didaftarkan di lokaliti di mana mereka bertugas. Oleh yang demikian, mereka akan mengundi di Daerah mengundi yang berkenaan sekiranya berlaku sesuatu pilihan raya. Dalam masa yang sama, semua warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai PTH luar Negara pula boleh mendaftar dengan pegawai Kementerian Luar Negeri (KLN) di semua Pejabat Perwakilan Malaysia. Bermula dari 29 April 2011, SPR telah melantik semua pegawai KLN yang bertugas di Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar Negara sebagai Penolong Pendaftar Pemilih untuk mendaftarkan mana-mana warganegara Malaysia yang memenuhi syarat untuk mendaftar sebagai PTH luar Negara.

LAPORAN KUMPULAN KERJA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI ANTARABANGSA



ISU & ULASAN

MEMANTAU PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK (CRC)

ISU: PENARIKAN BALIK RESERVASI

Suruhanjaya mengalu-alukan langkah Kerajaan dalam penarikan balik reservasi kepada Artikel 1, 3, 15 terhadap CRC sebagai satu langkah besar dalam memajukan hak kanak-kanak di Malaysia. Suruhanjaya berharap Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian untuk menarik balik reservasi kepada Artikel 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37. Penarikan balik reservasi yang masih kekal tersebut dapat merealisasikan sepenuhnya objektif Konvensyen CRC untuk menjamin hak kanak-kanak kepada kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pada 6 Julai 2010, Kerajaan telah menandatangani instrumen penarikan balik reservasi terhadap Artikel 1, 13 dan 15 CRC. Instrumen tersebut telah didepositkan kepada *Office of Legal Affairs* (OLA) di New York, Amerika Syarikat pada 19 Julai 2010 dan instrumen ini telah berkuatkuasa pada 18 Ogos 2010.

Bagi Artikel 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37 CRC, Kerajaan masih mengekalkan reservasi terhadapnya berdasarkan pemerhatian seperti berikut:

(a) Artikel 2 CRC

Penarikan balik reservasi terhadap Artikel 2 akan meletakkan Malaysia di kedudukan yang sukar memandangkan Malaysia berkemungkinan tidak dapat memenuhi obligasinya seperti yang diperuntukkan dalam CRC.

Selain itu, Artikel 2 CRC merupakan '*blanket provision*' dalam memastikan semua hak-hak yang diiktiraf dalam Konvensyen tersebut dihormati dan dijamin oleh Negara ahli tanpa diskriminasi. Ini termasuk hak kewarganegaraan [Artikel 7], kebebasan berfikir dan beragama [Artikel 14], hak mendapat pelajaran di sekolah rendah secara percuma [Artikel 28(1)(a)] dan hak berkaitan kebebasan diri [Artikel 37]. Malaysia telah membuat reservasi bagi kesemua hak-hak tersebut.

ISU & ULASAN

Oleh yang demikian, penarikan balik reservasi terhadap Artikel 2 bermakna Malaysia perlu menarik balik reservasi terhadap Artikel 7, 14, 28(1)(a) dan 37 juga yang mana pematuhan terhadap peruntukan-peruntukan ini adalah sukar dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Negara dan polisi Kerajaan.

(b) Artikel 7 CRC

Reservasi terhadap Artikel 7 perlu dikekalkan memandangkan berdasarkan kedudukan undang-undang Perlembagaan Malaysia, pematuhan sepenuhnya terhadap Konvensyen tersebut tidak dapat dilaksanakan. Ini adalah kerana Artikel 7 menuntut Negara ahli memastikan hak kewarganegaraan diberikan kepada semua kanak-kanak yang dilahirkan di dalam Negara ahli. Pindaan terhadap peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan hak kewarganegaraan juga adalah tidak wajar memandangkan peruntukan berkenaan hak ini adalah perkara asas dan *significant* yang dikenal pasti semasa pembentukan Malaysia.

(c) Artikel 14 CRC

Berhubung dengan hak beragama, secara umumnya, kanak-kanak di Malaysia mempunyai hak untuk menukarkan agama tetapi tertakluk kepada keizinan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Ini adalah selaras dengan perenggan 2 Artikel 14 CRC yang membenarkan Negara-negara ahli menghormati hak dan kewajipan ibu bapa untuk menunjukkan hala tuju kepada kanak-kanak dalam menjalankan haknya mengikut cara yang selaras dengan keupayaan berkembang kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun, hak yang diberikan tersebut bukanlah hak mutlak kerana ia tertakluk kepada prinsip agama masing-masing. Memandangkan wujudnya undang-undang Negeri di Malaysia yang menjadikan perbuatan keluar daripada agama Islam sebagai satu kesalahan jenayah yang boleh dihukum, penarikan balik reservasi bagi Artikel 14 CRC tidak boleh dipertimbangkan.

(d) Artikel 28(1)(a) CRC

Buat masa ini, reservasi terhadap Artikel 28(1)(a) perlu dikekalkan sehingga Kerajaan bukan sahaja dapat memastikan pendidikan diberikan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira warganegara

ISU & ULASAN

atau tidak bahkan kemudahan pendidikan peringkat rendah secara percuma juga dapat disediakan.

Seksyen 29A Akta 550 memeruntukkan bahawa Menteri boleh menetapkan pendidikan rendah menjadi pendidikan wajib. Melalui Perintah Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002 [P.U.(A) 459/02], Menteri telah pun menetapkan pendidikan rendah sebagai pendidikan wajib berkuat kuasa daripada 1 Januari 2003. Oleh itu, dari segi menyediakan pendidikan rendah yang wajib Malaysia telah mematuhi perkara ini.

Berkenaan pendidikan rendah secara percuma pula, pengenaan fi melalui undang-undang hanya bagi penerimaan masuk murid bukan warganegara seperti diperuntukkan dalam peraturan 5(2)(b) Peraturan-peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 [P.U.(A)275/98]. Dalam hal ini, P.U.(A)275/98 tidak memeruntukkan mengenai pengenaan fi bagi penerimaan masuk murid warganegara ke sekolah. Oleh itu, semua murid warganegara diterima masuk ke sekolah tanpa dikenakan sebarang fi.

Manakala bagi maksud peperiksaan pula KPM tidak mengenakan fi bagi tujuan menduduki peperiksaan. Walau bagaimanapun berdasarkan Peraturan-peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2008 fi boleh dikenakan bagi tujuan berikut:

- (i) pendaftaran lewat untuk menduduki peperiksaan;
- (ii) permohonan untuk menukar pusat peperiksaan;
- (iii) penyemakan semula keputusan peperiksaan;
- (iv) permohonan bagi surat memperakui keputusan peperiksaan;
- (v) permohonan bagi terjemahan keputusan peperiksaan; dan
- (vi) apa-apa fi yang lain bagi maksud pengendalian sesuatu peperiksaan.

ISU & ULASAN

Pengenaan fi bagi keadaan-keadaan di atas adalah untuk keadaan-keadaan tertentu yang tidak terpakai kepada semua murid. Oleh itu, ia bukanlah bentuk fi yang boleh menjejaskan maksud penerimaan pendidikan secara percuma oleh murid-murid bagi pendidikan rendah.

(e) Artikel 37 CRC

Reservasi terhadap Artikel 37 hendaklah dikekalkan memandangkan terdapat undang-undang Malaysia yang boleh dilihat sebagai tidak menjamin hak-hak di bawah Artikel 37. Penarikan balik reservasi terhadap Artikel 37 akan menyebabkan Malaysia terikat dengan komitmen untuk mematuhi obligasi di bawah Artikel tersebut seterusnya perlu membuat pindaan terhadap undang-undang yang terlibat.

Penarikan balik reservasi kepada Artikel 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37 buat masa ini belum dapat dilaksanakan kerana kandungan artikel-artikel tersebut tidak sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan dasar Negara.

ISU: EKSPLOITASI SEKSUAL DAN PORNOGRAFI KANAK-KANAK

Suruhanjaya telah mengesyorkan agar undang-undang tersebut digabungkan di dalam Akta Kanak-kanak 2001, atau dengan mengadakan undang-undang berasingan berkenaan pornografi kanak-kanak. Suruhanjaya mengambil perhatian bahawa Kerajaan perlu melihat isu ini dari pelbagai sudut dan berharap tindakan wajar akan diambil bagi membanteras pornografi kanak-kanak.

Suruhanjaya juga mengesyorkan agar undang-undang tersebut perlu memasukkan definisi konkrit tentang pornografi kanak-kanak. Tindakan mengeksploitasi kanak-kanak bagi tujuan aktiviti pornografi, menyebarkan (terutamanya melalui Internet) dan menyimpan bahan-bahan pornografi kanak-kanak, merakam, menjual serta menghasilkan bahan-bahan seumpamanya dan apa jua bentuk penglibatan berkenaan dengannya harus dikenakan tindakan undang-undang yang keras.

ISU & ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan berpendapat undang-undang mengenai eksploitasi seksual dan pornografi kanak-kanak tidak perlu digabungkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611] memandangkan:

- (a) Peruntukan perundangan berkaitan eksploitasi seksual dan pornografi kanak-kanak telah termaktub dalam beberapa akta di Malaysia seperti Akta 611, Kanun Keseksaan, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670], Akta Penapisan Filem 2002 dan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984;
- (b) Akta Kanak-kanak 2001 memberi fokus kepada pencegahan terhadap penderaan seksual dan eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak yang juga boleh membawa maksud pornografi kanak-kanak. Seksyen 17(2) (C) Akta 611 menyatakan seorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia telah mengambil bahagian sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi maksud:
 - (i) Apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan berunsur pornografi, lucah atau sumbang; atau
 - (ii) Eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.
- (c) Seksyen 43 Akta 611 menyatakan adalah menjadi kesalahan kepada mana-mana orang yang menjual, memperoleh, membawa masuk, menahan dan mengiklankan kanak-kanak bagi maksud pelacuran atau kelakuan seksual di dalam atau luar Malaysia. Jika didapati bersalah, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi sesiapa yang bertindak sebagai perantara, mempengaruhi atau mengawal pelacuran kanak-kanak jika disabit kesalahan boleh dikenakan denda RM50,000 dan penjara tidak kurang daripada tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi 15 tahun dan sebatan tidak lebih daripada enam (6) sebatan;
- (d) Akta 611 menyediakan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang terdedah kepada pelbagai penderaan dari segi fizikal, emosi dan moral. Kanak-kanak yang dieksploitasi secara

ISU & ULASAN

seksual dan memerlukan perlindungan dan pemulihan akan ditempatkan di rumah perlindungan tidak melebihi tiga (3) tahun atau sehingga mencapai umur 18 tahun, yang mana lebih singkat. Walau bagaimanapun, kanak-kanak tersebut boleh dibebaskan atau dilepaskan tidak kurang daripada 12 bulan bergantung pada pengesahan daripada Mahkamah Bagi Kanak-kanak atau Lembaga Pelawat;

- (e) Seksyen 292 Kanun Keseksaan [Akta 574] memperuntukkan kesalahan bagi mana-mana orang yang terlibat dengan penjualan buku-buku lucah dan sebagainya manakala Seksyen 377E pula memperuntukkan mengenai kesalahan merangsang kanak-kanak di bawah umur 14 tahun untuk sebarang aksi lucah. Seksyen 292 Kanun Keseksaan telah dikaji untuk menaikkan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen tersebut sekiranya bahan yang dijual, dimiliki, diedarkan dan sebagainya adalah bahan pornografi yang melibatkan kanak-kanak; dan
- (f) Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 [Akta 588] memperuntukkan hukuman denda kesalahan di bawah Seksyen 232 bagi mana-mana orang yang menyalahgunakan kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian dan sebagainya. Seksyen 233 pula memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 dan penjara tidak lebih satu (1) tahun bagi penyebaran imej lucah/porno termasuk yang melibatkan kanak-kanak di Internet.

Selaras dengan obligasi Kerajaan untuk melindungi kanak-kanak daripada segala bentuk eksploitasi seksual, pemerdagangan, pelacuran dan pornografi di bawah Artikel-artikel 11, 21, 32, 33, 34, 35 dan 36 CRC, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyertai *Optional Protocol to the CRC on the Sale of Children, Child Prostitution and Child Pornography* (Protokol Pilihan).

ANTIPEMERDAGANGAN ORANG

ISU: AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG 2007

Suruhanjaya masih mengekalkan pendiriannya dan mengesyorkan agar isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran perlu dilihat sebagai isu yang berasingan, kerana ia akan menyebabkan kesukaran dalam mengenali mangsa pemerdagangan yang sebenar. Berkemungkinan berlaku kes mangsa

ISU & ULASAN

pemerdagangan yang salah dikenal pasti sebagai migran yang diseludup, mengakibatkan mangsa tersebut dihantar pulang ke Negara asal, tanpa mendapat perlindungan yang sepatutnya di rumah perlindungan. Suruhanjaya berharap hak-hak mangsa pemerdagangan orang dilindungi pada setiap peringkat, seperti yang ditetapkan di bawah Protokol Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang terutama di kalangan Wanita dan Kanak-kanak.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah dikuatkuasakan pada 28 Februari 2008 dan dipinda dengan memasukkan kesalahan penyeludupan migran. Akta ini telah dipinda kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan pindaan tersebut berkuatkuasa pada 15 November 2010.

Kini, Pemerdagangan orang bermaksud segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, menerima, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud Akta ini.

Penyeludupan orang bermaksud:

- (a) Mengatur, memudahkan atau merancang, secara langsung atau tidak langsung, kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui, atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana Negara yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah; dan
- (b) Merekrut, mengangkut, memindahkan, menyembunyikan, melindungi atau menyediakan apa-apa bantuan atau perkhidmatan bagi tujuan melaksanakan perbuatan yang disebut dalam perenggan (a) di atas.

Kerajaan sedar bahawa isu pemerdagangan orang adalah berbeza dengan isu penyeludupan migran dan sememangnya Kerajaan melihatnya sebagai

ISU & ULASAN

isu-isu berasingan di mana pemerdagangan orang mengandungi unsur-unsur eksploitasi, tidak semestinya mengandungi unsur 'melintasi sempadan secara haram' dan mangsa pemerdagangan orang boleh juga diperlakukan sebagai komoditi. Sementara, penyeludupan migran pula dikenal pasti sebagai tidak mengandungi unsur eksploitasi, mengandungi unsur 'melintasi sempadan secara haram' serta migran-migran yang diseludup telah membayar perjalanan mereka dan dianggap sebagai pelanggan penyeludup.

Dengan pindaan pada 15 November 2010 ini jelaslah bahawa pihak Kerajaan telah pun mengasingkan kedua-dua isu ini dari sudut perundangan agar tindakan-tindakan yang diambil oleh agensi penguatkuasaan adalah berlainan. Bagi penyeludupan migran tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 26A hingga 26K. Manakala bagi pemerdagangan orang, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 12, 13, 14, 15 dan 23. Mangsa kesalahan pemerdagangan orang dan juga orang yang diseludup akan diberikan layanan yang berbeza setelah siasatan lengkap dilakukan.

Inisiatif-inisiatif yang diambil bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan kesilapan dalam mengenal pasti kesalahan pemerdagangan orang atau kesalahan penyeludupan migran termasuklah menganjurkan beberapa kursus bagi pegawai-pegawai penguatkuasaan dan pegawai-pegawai undang-undang yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang perbezaan di antara kedua-dua jenayah tersebut. Sasaran utama inisiatif ini adalah agensi-agensi barisan hadapan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja.

Selain itu, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia telah bersama-sama menganjurkan kursus untuk melatih pegawai pendakwa dan agensi penguatkuasaan tentang pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Lanjutan daripada pengubahsuaian Akta 670 yang mula berkuat kuasa pada 15 November 2010, telah memulakan dan mengadakan program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap punca dan akibat perbuatan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Kerajaan juga akan meningkatkan kerjasama dengan Negara-negara dan organisasi antarabangsa untuk menganjurkan bengkel dan kursus intensif untuk mendidik dan meningkatkan pemahaman masyarakat, NGO dan pegawai-pegawai Kerajaan tentang perbezaan di antara pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Program-program tersebut akan memanfaatkan pihak-pihak yang berkaitan bagi memastikan agensi penguatkuasaan yang

ISU & ULASAN

berkaitan mendapat pemahaman penuh dan memberi penguatkuasaan yang optimum tanpa mengkompromikan aspek-aspek hak asasi manusia.

SOP dalam menangani isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran telah pun disediakan bagi memastikan fungsi kerja setiap agensi adalah jelas. Malaysia sedang di dalam proses untuk menubuhkan suatu sistem rujukan nasional di mana semua kes dan laporan mengenai kesalahan pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia akan disalurkan ke dalam sistem tersebut.

Jabatan Peguam Negara akan meneliti keseluruhan keterangan dan bukti yang dikumpulkan oleh agensi penguatkuasaan semasa siasatan untuk menentukan sama ada sesuatu kes terjumlah kepada pemerdagangan orang atau penyeludupan.

Jabatan Peguam Negara dari semasa ke semasa juga memberikan latihan kepada pegawai-pegawainya dan kepada agensi-agensi penguatkuasaan dalam membuat penelitian bagi menentukan sama ada orang yang diselamatkan dalam sesuatu kes adalah mangsa pemerdagangan orang ataupun migran yang diseludup. Selain itu, Pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara juga didedahkan dengan latihan di luar Negara untuk menambah pengetahuan serta kemahiran dalam mengenal pasti perbezaan antara kes pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Kemahiran untuk membuat saringan awal ini adalah amat penting agar tiada mangsa pemerdagangan orang dilayan sebagai migran yang diseludup dan dinafikan segala bentuk perlindungan dan imuniti yang diberikan oleh Akta 670.

ISU: UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN PENAHANAN TANPA PERBICARAAN

Sebagai kesimpulan kepada kunjungan Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tentang Penahanan Arbitrari (WGAD) ke Malaysia beberapa syor telah dibuat, termasuk:

- (i) Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Kediaman Terhad 1933 atau meminda undang-undang tersebut bagi memastikan keselarasannya dengan Perkara 10 UDHR.

ISU & ULASAN

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Secara amnya, undang-undang pencegahan digubal bagi menangani ancaman terhadap keselamatan Negara. Ancaman-ancaman ini perlu ditangani dengan tegas dan pantas di mana sekiranya Kerajaan terlambat mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit, kesannya adalah amat buruk kepada rakyat dan Negara akan menjadi kucar-kacir di mana akhirnya nanti, Kerajaan juga yang akan dipersalahkan kerana lambat mengambil tindakan.

Oleh itu, KDN sedang dalam proses mengkaji pindaan undang-undang pencegahan untuk penambahbaikan. Dalam proses kajian ini dibuat, KDN telah mengadakan sesi-sesi *Pertemuan Awam (Public Engagement)* bagi mendengar pandangan serta mendapatkan buah fikiran dari semua pihak dan *stakeholders*. Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan, NGO, pakar akademik, pengamal undang-undang, ahli-ahli politik, ahli-ahli parlimen, pengamal media serta orang awam telah diambil kira dan semua pihak bersetuju agar undang-undang pencegahan ini tidak dimansuhkan tetapi dipinda bagi tujuan penambahbaikan.

Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan tidak akan tergesa-gesa dalam melaksanakan pindaan terhadap undang-undang pencegahan yang terlibat dan akan melakukan kajian dan semakan yang mencukupi bagi memastikan pindaan yang ingin dilakukan adalah berkesan dan tidak mendatangkan masalah baru dari segi perundangan, pelaksanaan dan sebagainya.

LAPORAN KUMPULAN KERJA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN



ISU & ULASAN

ANTI PEMERDAGANGAN ORANG

PROGRAM MENINGKATKAN KESEDARAN ANTI PEMERDAGANGAN ORANG DI KELANTAN

Berdasarkan kepada aktiviti di Kelantan dan penemuan daripada Perbincangan Meja Bulat, Suruhanjaya mengemukakan cadangan kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), dengan menggariskan syor-syor berikut:

ISU: MENINGKATKAN KESEDARAN

Pengawalan pemerdagangan orang memerlukan usaha yang jitu bukan sahaja oleh pihak Kerajaan tetapi juga orang awam. Sementara pihak Kerajaan menyediakan mekanisme dalam bentuk perundangan, penguatkuasaan dan perlindungan serta pemulihan mangsa-mangsa, orang awam juga boleh membantu dengan membuat laporan kes-kes pemerdagangan orang yang disyaki dan membantu mangsa-mangsa.

Terdapat keperluan memperkasakan orang awam dengan memberi pengetahuan dan latihan bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang efektif. Program pembangunan kapasiti dan kursus kepada pelatih adalah merupakan di antara aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Sepanjang tahun 2010 dan setakat April 2011, pelbagai program telah dilaksanakan dengan kerjasama beberapa pihak. Pelaksanaan ini meliputi pelbagai pendekatan media massa termasuk elektronik, cetak dan secara bersemuka dengan NGO-NGO berkaitan. Program yang dilaksanakan juga telah meningkatkan kefahaman dan kesedaran umum berkaitan isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Program secara media elektronik termasuk bicarawara di televisyen dan radio, laporan khas dalam berita dan majalah, promosi-promosi di stesen televisyen dan *jingle* di radio serta penyiaran drama.

Terdapat juga promosi dibuat di lapangan terbang di mana jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dipaparkan di papan elektronik

ISU & ULASAN

Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan pengumuman dibuat di dalam pesawat di mana orang awam boleh membuat aduan dengan menelefon nombor '999'.

Terdapat juga pelancaran kempen di peringkat negeri yang telah dilaksanakan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO). Pada tahun 2010, pelancaran kempen di peringkat Negeri telah diadakan di Perlis, Negeri Sembilan dan juga Perak.

Kempen-kempen juga giat dijalankan di peringkat sekolah, universiti, dan kepada kakitangan Kerajaan dan juga NGO bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di kalangan rakyat Malaysia.

Kerajaan mengambil maklum dengan program yang dicadangkan oleh SUHAKAM. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat bahawa isu kesedaran orang awam dan keinginan mereka untuk membuat laporan merupakan dua isu yang berbeza. Dalam hal ini, Kerajaan dilihat hanya berupaya mengadakan lebih banyak program untuk meningkatkan kesedaran orang ramai. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak boleh memaksa mereka membuat laporan. Kerajaan hanya mampu menggalakkan mereka berbuat demikian dan sama ada mereka akan membuat laporan bergantung kepada tahap kesedaran dan perasaan tanggungjawab masing-masing.

ISU: PENYERTAAN YANG MELUAS

Terdapat keperluan terhadap Kerajaan/Majlis untuk memastikan NGO juga mempunyai peluang untuk membantu membanteras pemerdagangan orang. Peranan NGO ini adalah kritikal kerana banyak mangsa pemerdagangan orang lebih cenderung mendekati organisasi tersebut daripada pihak berkuasa.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan amat mengalu-alukan penyertaan pihak NGO dalam menangani dan membanteras jenayah pemerdagangan orang. Seksyen 6(n) Akta 670 memperlihatkan peranan dan penglibatan NGO dalam MAPO yang ditubuhkan bagi menjalankan fungsi menyelaraskan pelaksanaan Akta, merumuskan dasar dan program bagi mencegah dan menghapus pemerdagangan orang, merumuskan program perlindungan bagi orang yang diperdagangkan serta

ISU & ULASAN

memulakan program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang sebab dan akibat perbuatan pemerdagangan orang.

Pindaan kepada Akta 670 yang berkuat kuasa pada 15 November 2010 lalu telah menunjukkan bahawa Kerajaan membuka peluang seluas-luasnya kepada pihak NGO untuk membantu membanteras masalah pemerdagangan orang dengan memasukkan subseksyen (o) kepada seksyen 6 iaitu penambahan wakil daripada NGO ke dalam MAPO.

Sejak Akta 670 dikuatkuasakan, Kerajaan mengakui bahawa pihak NGO telah memberikan kerjasama erat dalam pelaksanaannya. Pihak NGO dilihat berupaya menyalurkan maklumat yang dapat membantu agensi pelaksana mengambil tindakan perlu mengutarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh mangsa-mangsa pemerdagangan orang serta membantu Kerajaan dalam mencari penyelesaian kepada beberapa masalah yang dihadapi.

Kerajaan dari semasa ke semasa bekerjasama erat dengan NGO dalam menjalankan program-program pemulihan kepada mangsa pemerdagangan orang di tempat perlindungan seperti mengadakan kelas Bahasa Inggeris, Terapi Psikologi dan aktiviti mengait. NGO tersebut antaranya ialah NCWO dan SUKA *Society*. Selain itu, Kerajaan juga bekerjasama dengan *International Organisation for Migration* (IOM) dalam melatih Pegawai Pelindung mengendalikan mangsa pemerdagangan orang.

Program secara berjadual yang telah dilaksanakan bermula pada bulan Februari 2011 adalah seperti berikut:

- (i) Isnin bagi Bahasa Inggeris (oleh NCWO);
- (ii) Selasa bagi kaunseling (oleh SUKA *Society*);
- (iii) Khamis bagi Bahasa Inggeris dan senamrobik (oleh NCWO); dan
- (iv) Jumaat bagi Bahasa Inggeris (oleh NCWO).

Kerajaan dengan kerjasama IOM telah mengadakan 2 siri bengkel mengenai pengendalian mangsa pemerdagangan orang iaitu pada 19 hingga 22 April 2011 dengan penyertaan seramai 26 orang peserta dan pada 26 hingga 29 April 2011 dengan penyertaan seramai 27 orang peserta. Para peserta

ISU & ULASAN

terdiri daripada Pegawai Pelindung dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita serta pegawai yang dilantik dari NGO.

ISU: LATIHAN KEPADA PEGAWAI PENGUATKUASA

Kerajaan/Majlis harus memastikan pegawai penguatkuasa seluruh Negara, terutamanya petugas di bahagian depan diberikan latihan yang meluas berkenaan anti pemerdagangan orang. Salah satu topik kritikal yang perlu dimasukkan ke dalam latihan tersebut adalah mengenal pasti mangsa yang disyaki pemerdagangan orang.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Jabatan Imigresen Malaysia telah menjalankan kursus-kursus dan latihan secara berkala dalam meningkatkan pemahaman berkaitan peruntukan Akta 670 dan ia melibatkan semua peringkat anggota-anggota yang bertugas di pintu kawalan keluar/masuk amnya dan Bahagian atau Unit Penguatkuasa khususnya.

Kursus dan latihan ini dijalankan dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Jabatan Imigresen, Akademi Imigresen Malaysia (AIMM), MAPO, IOM dan lain-lain agensi penguatkuasaan.

Sukatan kursus-kursus dan latihan adalah mencakupi pemahaman peruntukan Akta 670, mengenal pasti individu-individu yang disyaki mangsa dalam pemerdagangan orang, ciri-ciri perbezaan antara mangsa aktiviti-aktiviti penyeludupan manusia dan pemerdagangan orang serta kuasa-kuasa agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.

Kerajaan juga bekerjasama dengan IOM dalam penganjuran kursus kepada pegawai penguatkuasa di mana salah satu tajuk/topik yang terkandung di dalam kursus tersebut adalah berkaitan pengenalan mangsa.

AIMM telah memasukkan modul khas berkenaan Akta 670 pada semua peserta kursus induksi bermula pada Siri 2/2011 pada 18 Mei 2011 yang telah dianjurkan kepada seramai 209 orang pegawai. AIMM juga turut mengadakan kursus mengenai perundangan dan produk bagi kes-kes anti pemerdagangan orang dan antipenyeludupan migran ini.

ISU & ULASAN

ISU: RUMAH PERLINDUNGAN MANGSA

Suruhanjaya memuji langkah yang diambil Kerajaan/Majlis untuk menambah bilangan rumah perlindungan mangsa pemerdagangan. Mengenal pasti dan mewartakan cadangan rumah-rumah perlindungan seharusnya dilakukan segera bagi mengelakkan berlakunya kesesakan kemudahan sedia ada.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Pada masa ini terdapat enam (6) Rumah Perlindungan mangsa pemerdagangan orang yang telah beroperasi iaitu empat (4) di Semenanjung Malaysia dan satu (1) masing-masing di Sabah dan Sarawak. Sebuah lagi Rumah Perlindungan akan beroperasi mulai Julai 2011 di Kuala Lumpur.

Kerajaan sedang meneliti kebarangkalian untuk mewartakan rumah perlindungan NGO sebagai tempat perlindungan dengan tidak mendedahkan alamat lengkap kepada awam. Langkah ini adalah kerana pihak NGO bimbang pewartaan tersebut akan mendedahkan alamat lengkap rumah perlindungan dan ia boleh disalahgunakan oleh sindiket tertentu.

ISU: AKSES KE RUMAH PERLINDUNGAN

Memandangkan kesukaran yang dihadapi oleh kedutaan Indonesia, Majlis seharusnya mewujudkan satu prosedur untuk dipatuhi oleh kedutaan bagi membolehkan mereka bertemu warganegaranya yang ditempatkan di rumah perlindungan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan telah mewujudkan satu prosedur bagi membolehkan pihak yang berkaitan mendapat akses kepada tempat perlindungan termasuk pihak kedutaan selaras dengan Konvensyen Vienna Mengenai Hubungan Konsular 1963 berkaitan dengan perkara-perkara mengenai bantuan konsular. Walau bagaimanapun, kelulusan awal wajar diperoleh daripada pihak pengurusan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku. Mana-mana pihak yang berkaitan boleh menghubungi Jabatan Pembangunan Wanita (untuk mangsa di rumah perlindungan wanita), Jabatan Kebajikan Masyarakat (untuk

ISU & ULASAN

mangsa kanak-kanak) atau Sekretariat MAPO (untuk mangsa lelaki) sekiranya mereka memerlukan akses kepada mangsa bagi tujuan yang relevan.

ISU: PERLINDUNGAN DAN PEMULIHAN MANGSA

Sejajar dengan sasaran Kerajaan/Majlis untuk memberikan perlindungan dan pemulihan mangsa pemerdagangan orang sewajarnya, semua rumah perlindungan seharusnya dilengkapi dengan perkhidmatan yang bersesuaian seperti kaunseling dan program tertentu sebelum kembali kepada masyarakat. Program tersebut hendaklah bermaksud mewujudkan kepercayaan mangsa terhadap pihak berkuasa, yang boleh meningkatkan kesanggupan mangsa untuk memberikan kenyataan dan keterangan terhadap pesalah pemerdagangan orang.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Perkhidmatan kaunseling diberikan kepada mangsa di tempat perlindungan setiap minggu secara individu dan berkumpulan. Selain itu, terapi psikologi juga diberikan setiap minggu bagi mengatasi tekanan (*stress*) dan mempelajari cara mengawal diri. Sejak tahun 2009, seramai 79 orang telah diberi perkhidmatan kaunseling dan 359 orang telah diberikan perkhidmatan terapi psikologi. Sehingga kini, terdapat 2 orang kaunselor yang ditempatkan di Jabatan Pembangunan Wanita.

ISU: PENEKANAN KEPADA PESALAH

Kerajaan/Majlis harus meningkatkan langkah-langkah mengenal pasti dan menangkap pesalah pemerdagangan orang. Penjawat awam yang didapati menjadi ejen pemerdagangan orang harus ditangani dengan serius.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan sentiasa memandang serius akan kesalahan pemerdagangan orang, terutamanya yang melibatkan Malaysia sebagai Negara penerima mahupun Negara transit, apatah lagi jika pelakunya terdiri dari kalangan penjawat awam.

ISU & ULASAN

Hukuman yang dikenakan ke atas pesalah pemerdagangan orang tidak membezakan sama ada seseorang itu penjawat awam atau orang awam. Walau bagaimanapun, penjawat awam berkenaan juga tidak terkecuali daripada siasatan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Keprihatinan dan keseriusan Kerajaan dalam menangani jenayah ini dapat dilihat melalui pindaan kepada Akta 670. Sebagai contohnya, senarai pegawai penguatkuasa sedia ada yang boleh menjalankan segala kuasa penguatkuasaan di bawah Akta 670 telah ditambah dengan memasukkan Pegawai Tenaga Kerja agar aduan-aduan mengenai kes-kes buruh paksa (*forced labour*) dapat ditangani dengan lebih efektif.

Kadar hukuman dalam beberapa peruntukan sedia ada juga telah dipinda, contohnya, hukuman bagi kesalahan mendapatkan keuntungan daripada perbuatan eksploitasi orang yang diperdagangkan telah dipinda dengan menaikkan kadar denda kepada tidak kurang daripada RM500,000 tetapi tidak melebihi RM1,000,000 dan juga dilucut hak keuntungan daripada perbuatan tersebut.

Dalam hal penjawat awam yang dikatakan menjadi ejen pemerdagangan orang, sekiranya ada laporan polis dibuat terhadap mana-mana individu termasuklah penjawat awam, Kertas Siasatan akan dibuka dan siasatan akan dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan keterangan mengenai dakwaan tersebut. Apabila siasatan telah lengkap, Kertas Siasatan akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk keputusan sama ada suatu pertuduhan boleh dikenakan terhadap mana-mana orang. Dalam membuat keputusan tersebut, Jabatan Peguam Negara akan meneliti keseluruhan keterangan dan bukti yang ada. Jika keterangan dan bukti adalah kukuh untuk mendapatkan suatu sabitan, arahan akan dikeluarkan agar mana-mana orang itu dituduh mengikut peruntukan undang-undang yang bersesuaian tanpa mengira status dan kedudukannya.

Kerajaan telah pun meningkatkan langkah-langkah mengenal pasti dan menangkap pesalah pemerdagangan orang. Bagi membuktikan bahawa Kerajaan telah pun meningkatkan langkah-langkah mengenal pasti dan menangkap pesalah pemerdagangan orang, dilampirkan di bawah adalah statistik data setakat bulan Mei 2011 mengenai kesalahan pemerdagangan orang:

ISU & ULASAN**Bilangan kes yang telah direkodkan di Mahkamah dari tahun 2008-2011**

Kategori Kes	2008	2009	2010	2011	
Kes yang dituduh di mahkamah	8	139	172	7	326
Perbicaraan kes yang tertangguh	3	103	133	7	246
Kes yang dilupuskan dengan dilepaskan dan dibebaskan	2	20	20	-	42
Kes yang dilupuskan dengan dilepaskan tanpa dibebaskan	1	7	-	-	8
Kes yang telah berjaya disabitkan	2	11	20	-	33

Maklumat mengenai orang dituduh di bawah ATIPASMA

Kategori	Jumlah
Bilangan orang yang dituduh pada tahun 2008	8
Bilangan orang yang dituduh pada tahun 2009	68
Bilangan orang yang dituduh pada tahun 2010	51
Bilangan orang yang dituduh pada tahun 2011 (sehingga Mei 2011)	8
Jumlah	135

ISU & ULASAN

ISU: KERJASAMA DUA HALA

Suruhanjaya bersetuju dengan syor daripada dialog pada 4 Mac 2010 iaitu agensi penguatkuasaan di bawah Majlis mewujudkan SOP dalam menguruskan kes-kes melibatkan mangsa/pesalah asing, termasuk menyampaikan maklumat kepada kedutaan yang berkaitan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kementerian Luar Negeri bersedia untuk bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan di bawah MAPO untuk mewujudkan SOP dalam menguruskan kes-kes melibatkan mangsa/pesalah asing termasuk menyampaikan maklumat kepada kedutaan berkaitan.

SOP penguatkuasa sedang ditambah baik oleh semua agensi penguatkuasaan yang terlibat. SOP ini akan dimuktamadkan dan akan ditandatangani oleh semua Ketua Jabatan dan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan.

ISU: PERANAN KEDUTAAN

Mereka seharusnya memastikan agar bantuan disediakan kepada Kerajaan Malaysia untuk disampaikan kepada warganegara mereka yang menjadi mangsa pemerdagangan orang. Contohnya, khidmat penterjemah boleh disediakan oleh kedutaan. Adalah disyorkan agar persetujuan diwujudkan di antara Kerajaan dan kedutaan asing, menggariskan peranan masing-masing dalam membanteras kes-kes melibatkan mangsa dan pesalah asing pemerdagangan orang.

MAKLUM BALAS KERAJAAN:

Kerajaan melalui Kementerian dan Agensi berkenaan bersedia untuk bekerjasama dengan pihak kedutaan asing dan pertubuhan antarabangsa dalam usaha membanteras kes-kes berkaitan isu pemerdagangan orang.



SENARAI SINGKATAN

AICHR	ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights
AIMM	Akademi Imigresen Malaysia
Akta 550	Akta Pendidikan 1996
Akta 588	Akta Komunikasi dan Multimedia 1988
Akta 597	Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999
Akta 611	Akta Kanak-kanak 2001
Akta 670	Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007
Akta 685	Akta OKU 2008
Akta 714	Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010
ASEAN	Association of South East Nations
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BEM	Lembaga Jurutera Malaysia
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak
CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
IOM	International Organisation for Migration
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPNP	Jabatan Pelajaran Negeri Pahang
KAP	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Murid Orang Asli dan Penan
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KLN	Kementerian Luar Negeri
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

LAM	Lembaga Arkitek Malaysia
LPKP	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
MAPO	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
NCWO	Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NMM	Mekanisme Pemantauan Nasional
OKU	Orang Kurang Upaya
P&P	pengajaran dan pembelajaran
PAM	Persatuan Arkitek Malaysia
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PTH	Pengundi Tidak Hadir
RELA	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
SEANF	South East Asian National Human Rights Institution
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
UDHR	Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
UDI	Indeks Reka Bentuk Sejagat
WGAD	Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tentang Penahanan Arbitrari
YBGK	Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2011
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773
JD001294

